

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

SOALAN NO. 493

TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah diambil untuk menaik taraf hospital-hospital di daerah luar bandar Sabah, termasuk di Sipitang dan negeri jiran Sarawak, bagi menyediakan kemudahan kesihatan terbaik kepada penduduk luar bandar dan juga usaha untuk menambah bilangan doktor pakar di hospital-hospital luar bandar.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemudahan di fasiliti-fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Kerajaan telah memperuntukan dalam RMK-11 masing-masing sebanyak RM366.5 juta dan RM292 juta untuk Sabah dan Sarawak bagi mempertingkatkan kemudahan kesihatan termasuk hospital luar bandar.

Terdapat sejumlah 25 projek di negeri Sabah dan daripada jumlah tersebut, 14 projek di peringkat pra pelaksanaan, 9 projek di peringkat pelaksanaan dan 2 projek di peringkat pasca pelaksanaan. Manakala di negeri Sarawak, terdapat sejumlah 26 projek di negeri dan daripada jumlah tersebut, 18 projek di peringkat pra pelaksanaan, 4 projek di peringkat pelaksanaan dan 4 projek di peringkat pasca pelaksanaan.

Bagi kawasan Sipitang, terdapat sebuah hospital iaitu Hospital Sipitang yang merupakan Hospital Tanpa Pakar. Di dalam RMK-11, Hospital Sipitang tersebut telah diperuntukkan sebanyak RM4.08 juta

untuk melaksanakan dua kerja-kerja naiktaraf iaitu Kerja-kerja Naiktaraf Sistem Penghawa Dingin & Sistem Ventilasi di Hospital Sipitang dengan kos RM5.85 juta yang telah siap sepenuhnya pada 23 Januari 2019 dan Kerja-kerja Naiktaraf Genset Hospital Sipitang dengan kos RM1.4 juta dan kini di dalam peringkat Perancangan.

KKM sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan fasiliti kesihatan di seluruh negara termasuklah di kawasan luar bandar negeri Sabah & Sarawak dalam memastikan semua rakyat mendapat perkhidmatan kesihatan yang berkualiti. Selain daripada itu, antara usaha untuk menaiktaraf perkhidmatan kepakaran di fasiliti kesihatan, KKM sentiasa berusaha untuk menambahkan bilangan doktor pakar supaya pada masa akan datang, lebih banyak doktor pakar dapat ditempatkan secara tetap di hospital-hospital berpakar KKM termasuk hospital luar bandar yang dikenalpasti. Antara usaha yang diambil adalah seperti berikut:

1. Peningkatan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot pada tahun 2009 kepada 1,100 slot pada tahun 2019 untuk menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran;
2. Peningkatan peluang latihan kepakaran perubatan supaya lebih ramai doktor pakar dihasilkan melalui Program Latihan Kepakaran Parallel Pathway;
3. Pelantikan semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan KKM mengikut keperluan terutama bagi bidang kritikal dan di kawasan yang memerlukan perkhidmatan kepakaran yang tinggi;
4. Perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara sessional (dengan izin); dan
5. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, bagi menarik minat Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di Sabah dan Sarawak, insentif dan elaun khas yang disediakan Kerajaan ialah:

1. Bayaran Insentif Wilayah bagi pegawai di Sabah dan Sarawak atas kadar peratusan 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan;
2. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di fasiliti kesihatan di kawasan pedalaman yang diluluskan, atas kadar RM500 atau RM1,000 atau RM1,500 berdasarkan kategori pedalaman fasiliti tersebut;
3. Bayaran Insentif Pedalaman bagi pegawai di Sabah dan Sarawak atas kadar 10 peratus dari gaji bulanan;
4. Bayaran Insentif Pegawai Perubatan Pakar di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa 1 Julai 2016;
5. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian di Fasiliti Kesihatan Di Sabah dan Sarawak; dan
6. Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Sabah dan Sarawak diberi merit 5% markah tambahan dalam markah keseluruhan bagi pemilihan calon yang akan menjalani latihan kepakaran untuk Program Sarjana Perubatan.

Dalam pada itu, KKM juga menambahbaik perkhidmatan kepada rakyat khususnya dalam perkhidmatan kepakaran termasuk:

1. Melaksanakan konsep hospital kluster melalui perkongsian kemudahan antara hospital bagi Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan; dan
2. *Melaksanakan visiting specialist* (dengan izin) bagi Pakar Perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk sekitar di luar bandar. Sekian, terima kasih.